



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERMASALAHAN, SIKAP DAN KEYAKINAN GURU DALAM
PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KUALA TERENGGANU**

RAMLI BIN MOHAMED

FPP 1999 71

**PERMASALAHAN, SIKAP DAN KEYAKINAN GURU DALAM
PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KUALA TERENGGANU**

Oleh
RAMLI BIN MOHAMED

Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

JANUARI 1999



PENGHARGAAN

Penulis melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang sentiasa memberikan hidayah-Nya sehingga penulis berjaya menyiapkan kertas projek ini.

Penulis sangat terhutang budi kepada Penyelia kertas projek ini iaitu Dr. Mohd. Majid Konting kerana dorongan, tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan. Minat, kesabaran dan dedikasi beliau amat penulis hargai. Kepada beliau, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga dan kepada Allah jua diserahkan untuk memberi ganjarannya.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan terutama Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Terengganu (Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu) kerana memberikan kebenaran menjalankan kajian rintis dan kajian di sekolah-sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu.

Kepada Guru Besar dan guru-guru sekolah-sekolah rendah yang dipilih, penulis tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana kerjasama yang diberikan amat memuaskan.



Kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan di Sekolah Menengah Tengku Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan sesiapa sahaja yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung, penulis merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih.

Akhir sekali, penulis ingin menyatakan bahawa penyempurnaan kertas projek ini dapat dilakukan dengan adanya doa dan sokongan serta galakan yang berterusan daripada ibu bapa yang tercinta, Ngah binti Husin dan Mohamed bin Hj. Sulaiman serta isteri dan anak-anak iaitu Samsiah Nair, Mohd. Khairul Anuar, Noor Azhana dan Mohamad Hakim. Kepada mereka penulis mengabadikan kertas projek ini. Semoga Allah sentiasa melindungi dan memberkati mereka.



DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang	1
Guru Bahasa Melayu (KBSR)	2
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	5
Persoalan Kajian	5
Kepentingan Kajian	6
Batasan Kajian	7
Definisi Konsep	
Masalah Pengajaran	8
Pengalaman Mengajar	9
Pendedahan Kepada Pengajaran BM KBSR	9
Keyakinan Mengajar Guru BM	10
Sikap Guru Terhadap Pengajaran BM	10
Kemahiran Tatabahasa dan Peribahasa	11
Teknik Pengajaran	12
Aspek Kemahiran Berbahasa	12
Kemahiran Lisan	12
Kemahiran Membaca	13
Kemahiran Menulis	13
Rumusan	13



II	SOROTAN LITERATUR	15
	Masalah Pengajaran Bahasa	15
	Masalah Persediaan	15
	Masalah Penggunaan ABM Dalam Pengajaran	18
	Keyakinan Mengajar	19
	Keyakinan Mengajar Mata Pelajaran BM	19
	Keyakinan Mengajar dan Pendedahan Kursus	20
	Keyakinan Mengajar dan Pengalaman	21
	Sikap Guru	23
	Sikap dan Pengalaman Mengajar	23
	Sikap dan Pengkhususan	26
	Sikap dan Pendedahan KBSR	27
	Sikap dan Keyakinan Mengajar	29
	Sikap dan Masalah Mengajar	29
	Rumusan Sorotan Literatur	31
	Masalah Pengajaran Bahasa	31
	Sikap Guru	31
	Keyakinan Mengajar	31
III	METODOLOGI KAJIAN	33
	Kerangka Konseptual	33
	Rekabentuk Kajian	34
	Populasi Kajian	35
	Sampel Kajian	35
	Pengukuran Pembolehubah	35
	Masalah Mengajar BM	36
	Sikap Terhadap Pengajaran BM	36
	Keyakinan Mengajar BM	37
	Instrumen Kajian	37
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
	Prosedur Kajian	40
	Pengumpulan Data	40
	Analisis Data	42
IV	DAPATAN KAJIAN	43
	Pengenalan	43
	Latar Belakang Responden	43
	Rumusan Latar Belakang Responden	47
	Masalah Pengajaran BM	48
	Tahap Permasalahan Mengajar Bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur	48
	Tahap Permasalahan Mengajar Bagi Kemahiran Membaca, Memahami dan Menaakul	51
	Tahap Permasalahan Mengajar Bagi Kemahiran Menulis	53

Tahap Permasalahan Mengajar Bagi Kemahiran Tatabahasa	54
Tahap Permasalahan Mengajar Bagi Kemahiran Peribahasa	56
Kesimpulan	58
Keyakinan Mengajar BM KBSR	58
Kemahiran Mendengar dan Bertutur	59
Tahap Keyakinan Mengajar BM (KBSR)	
Kemahiran Menulis	62
Tahap Keyakinan BM (KBSR) Kemahiran Tatabahasa	64
Tahap Keyakinan Mengajar BM KBSR Kemahiran Peribahasa Mengikut Kesesuaian Konteks	66
Tahap Keyakinan Guru Mengajar BM (KBSR)	
Kemahiran Semua Aspek Berbahasa Aspek Berbahasa Dalam Mata Pelajaran BM	68
Kesimpulan	69
Tahap Sikap Guru Dalam Pengajaran BM (KBSR)	70
Analisis Perkaitan Antara Masalah Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis	71
Analisis Perkaitan Antara Masalah Dengan Keyakinan Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	72
Analisis Perkaitan Antara Keyakinan Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	73
Rumusan Dapatan Kajian	74
V PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP	75
Pengenalan	75
Permasalahan Guru BM Dalam Pengajaran BM	76
Tahap Permasalahan Guru BM Dalam Pengajaran BM	76
Tahap Keyakinan Mengajar BM	81
Sikap Guru BM Terhadap Pengajaran BM (KBSR)	84
Perkaitan Antara Masalah Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis	88
Perkaitan Antara Masalah Dengan Keyakinan Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	88
Perkaitan Antara Keyakinan Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	89
Permasalahan Dalam Pengajaran BM (KBSR)	89
Tahap Keyakinan Guru Dalam Pengajaran BM	
Berlandaskan Ciri-Ciri KBSR	91
Perkaitan Antara Masalah Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Aspek Kemahiran Mendengar,	



Bertutur, Membaca dan Menulis	94
Perkaitan Antara Masalah Dengan Keyakinan Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	95
Perkaitan Antara Keyakinan Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	96
Rumusan	97
Penutup	98
BIBLIOGRAFI	101
LAMPIRAN	105



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Latar Belakang Responden Jantina	44
2	Latar Belakang Responden Umur	44
3	Latar Belakang Responden Kelulusan Akademik	45
4	Latar Belakang Responden Pengkhususan	46
5	Latar Belakang Responden Pengalaman Mengajar	46
6	Latar Belakang Responden Pendedahan Kursus Dalam Perkhidmatan	47
7	Tahap Permasalahan Pengajaran BM (KBSR) Kemahiran Mendengar dan Bertutur	50
8	Tahap Permasalah Kemahiran Membaca, Memahami dan Menaakul	52
9	Tahap Permasalahan Kemahiran Menulis	54
10	Tahap Permasalahan Kemahiran Tatabahasa	55
11	Tahap Permasalahan Pengajaran BM (KBSR) Kemahiran Peribahasa Dalam Kesesuaian Konteks	57
12	Keyakinan Mengajar BM (KBSR) Kemahiran Mendengar dan Bertutur	61
13	Keyakinan Mengajar BM (KBSR) Kemahiran Menulis	63
14	Keyakinan Mengajar BM (KBSR) Kemahiran Tatabahasa	65
15	Keyakinan Mengajar BM (KBSR) Kemahiran Peribahasa	67



16	Keyakinan Mengajar BM (KBSR) Kemahiran Semua Aspek Berbahasa	69
17	Skor Sikap Guru BM (KBSR)	71
18	Analisis Perkaitan Antara Masalah Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis	72
19	Analisis Perkaitan Antara Masalah Dengan Keyakinan Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	73
20	Analisis Perkaitan Antara Keyakinan Dengan Sikap Guru Dalam Pengajaran BM Dari Semua Aspek Kemahiran Berbahasa	73

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Perkaitan Pembolehubah-Pembolehubah Berdasarkan Model Dunkin dan Biddlee (1974) Yang Telah Diubahsuai	34

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDP	Kursus Dalam Perkhidmatan
ABM	Alat Bantu Mengajar
UPM	Universiti Putra Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



Abstrak projek kajian yang dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan Ijazah Master Sains

**PERMASALAHAN, SIKAP DAN KEYAKINAN GURU
DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KUALA TERENGGANU**

Oleh
RAMLI MOHAMED
JANUARI 1999

PENYELIA **DR. MOHD. MAJID KONTING**

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan, sikap dan keyakinan di kalangan guru Bahasa Melayu terhadap pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu. Seramai 131 orang guru Bahasa Melayu dipilih secara persampelan kelompok dari 15 buah sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu. Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur dan dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif dan korelasi Pearson untuk mencari hubungan antara pembolehubah masalah, sikap dan keyakinan guru dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan wujud kaitan yang signifikan antara masalah dengan sikap ($r = 0.6185$, $p < 0.05$), masalah dengan keyakinan ($r = 0.6094$, $p < 0.05$) serta keyakinan dengan sikap ($r = 0.9574$, $p < 0.01$) guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tahap masalah guru BM (KBSR) tinggi dan sikap mengajar mereka positif serta keyakinan mereka juga tinggi.



Abstract of research project submitted in partial fulfilment of the requirements
for the Master of Science programme

**TEACHERS PROBLEMS, ATTITUDES AND CONFIDENCE IN THE
TEACHING OF BAHASA MELAYU IN THE PRIMARY SCHOOL
IN THE DISTRICT OF KUALA TERENGGANU**

By
RAMLI BIN MOHAMED
JANUARY 1999

SUPERVISOR DR. MOHD. MAJID KONTING

FACULTY EDUCATIONAL STUDIES

The main objectives of this research is to determine the problems, attitudes and confidence among the Malay Language teachers towards the teaching of the Malay Language in the primary schools in the District of Kuala Terengganu. Sample size of 131 Malay Language teachers through cluster sampling were chosen from 15 primary schools in the District of Kuala Terengganu. Data was collected through structured questionnaires and was analysed by using descriptive statistic and Pearson correlation to find relationship between problems, attitudes and confidence variables in the teaching of Malay Language.

Result of the research shows significant relationship between problems with attitudes ($r = 0.6185$, $p < 0.05$), problems with confidence ($r = 0.6094$, $p < 0.05$) and confidence with attitudes ($r = 0.9574$, $p < 0.01$) in the teaching of the Malay Language. Even though the level of the problems faced by the KBSR Malay Language teachers is high. They claimed to have very high positive attitudes and confidence in teaching the subject.

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) merupakan salah satu langkah bagi meningkatkan mutu pendidikan di peringkat rendah dengan mengambil kira perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu agar dapat melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara pada masa-masa akan datang. Pada peringkat awal pelaksanaan bermula 1983, KBSR mengalami beberapa kesulitan disebabkan oleh tenaga pengajar yang belum dapat menyesuaikan perubahan daripada pendekatan lama yang berpusatkan guru kepada kaedah baru yang berpusatkan pelajar Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Besar dan guru-guru bertanggungjawab bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik di samping mengadakan infrastruktur dan suasana yang akan memungkinkan pelaksanaan sesuatu inovasi KBSR berlaku dengan jayanya

Berfokuskan kepada pengajaran Bahasa Melayu (BM) dalam KBSR, maka wajarlah diberi penerangan ringkas, tentang mata pelajaran BM Dalam KBSR mata pelajaran BM bertujuan membimbing pelajar supaya pada masa akan datang dapat menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi



dengan berkesan Dengan ini menjadi tanggungjawab guru BM untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran tersebut dapat dikuasai oleh pelajar

Dalam mata pelajaran BM (KBSR), kemahiran berbahasa yang perlu diajar ialah seperti kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, bacaan dan kefahaman, menulis serta tatabahasa Untuk mengajar kelima-lima komponen ini, seseorang guru itu memerlukan keyakinan mengajar dan sikap yang positif terhadap aspek-aspek kecekapan berbahasa itu

Guru Bahasa Melayu (KBSR)

Guru-guru Bahasa Melayu semestinya bertanggungjawab terhadap objektif pendidikan dan matlamat kurikulum KBSR Setiap kali perubahan kurikulum berlaku, maka setiap kali itulah guru-guru Bahasa Melayu dapat melaksanakannya dengan sungguh hati

Untuk menghadapi cabaran di atas, Azizah Abdul Rahman (1987) menyarankan supaya guru banyak membaca, bergaul dengan orang-orang luar, mengadakan lawatan dan aktiviti tambahan yang melibatkan diri seseorang guru itu supaya dengan aktiviti tersebut diharapkan guru itu akan matang terutama berhubung dengan pengajaran Bahasa Melayu itu sendiri

Abdul Hamid Mahmood (1993) juga berpendapat bahwa pembacaan menjadikan seseorang insan itu berilmu. Banyak membaca menjadikan seseorang itu bijaksana dan berketrampilan. Tugas dan tanggungjawab untuk membentuk dan melahirkan insan-insan yang berilmu, bijaksana dan berketrampilan diletakkan dan dibebankan ke atas bahu guru-guru.

Selaku guru yang jujur dan bertanggungjawab, mereka harus menunaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Mereka harus mengajar, mengasuh dan mendidik anak-anak supaya menjadi pandai dan berilmu.

Dalam melaksanakan KBSR, guru perlu merancang serta mengurus pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam dan di luar bilik darjah. Selain menyediakan rancangan tahunan, penggal, mingguan dan harian, bagi setiap mata pelajaran, guru juga merancang kandungan mata pelajaran, meliputi ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan teknik serta bahan dan aktiviti.

Pernyataan Masalah

Dalam tempoh 15 tahun pelaksanaan pengajaran BM (KBSR) banyak perubahan atau inovasi strategi pengajaran dan pembelajaran telah berlaku. Inovasi strategi pengajaran dan pembelajaran melibatkan penerapan nilai-nilai murni, pemerolehan ilmu pengetahuan berasaskan topik, penggunaan bahasa

yang canggih, peningkatan daya pemikiran dan pemupukan minat membaca serta penggunaan berbagai-bagai teknik yang dapat mewujudkan suasana aktif dalam pengajaran BM dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis Dengan inovasi tersebut dijangka menimbulkan masalah kepada guru-guru dalam melaksanakan proses pengajaran BM yang ada kaitan dengan sikap dan keyakinan mereka kerana keupayaan dan pengalaman yang ada pada guru berbeza Sehubungan dengan itu juga, guru-guru BM dijangka tertekan dengan beban tugas dalam pengajaran BM

Tekanan inovasi beban tugas itu ialah bagaimana cara seseorang guru BM dapat mengaplikasi bahan, kaedah dan pendekatan dalam pengajaran supaya menjadi lebih berkesan Kegagalan atau tidak dapat mengaplikasi bahan, kaedah dan pendekatan dijangka boleh mengurangkan keyakinan serta bersikap negatif terhadap pengajaran BM Dengan erti kata lain matlamat mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah tidak tercapai untuk melahirkan murid yang berketrampilan berbahasa dan menghargai serta menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu, sesuai dengan semangat Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara

Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk

- 1 Mengenal pasti tahap masalah, sikap dan keyakinan guru BM (KBSR) dalam pengajaran BM dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis
- 2 Mengenal pasti perkaitan antara masalah dengan sikap guru dalam pengajaran BM dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis
- 3 Mengenal pasti perkaitan antara masalah dengan keyakinan guru dalam pengajaran BM dari semua aspek kemahiran berbahasa
- 4 Mengenal pasti perkaitan antara keyakinan dengan sikap guru dalam pengajaran BM dari semua aspek kemahiran berbahasa

Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan berikut

- 1 Adakah terdapat tahap-tahap masalah, keyakinan dan sikap guru BM (KBSR) dalam pengajaran BM dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis
- 2 Adakah terdapat perkaitan antara masalah dengan sikap dalam pengajaran BM dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis

- 3 Adakah terdapat perkaitan antara masalah dengan keyakinan dalam pengajaran BM dari semua aspek kemahiran berbahasa
- 4 Adakah terdapat perkaitan antara keyakinan dengan sikap dalam pengajaran BM dari semua aspek kemahiran berbahasa

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang terlibat seperti pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan, Guru Besar dan guru-guru sekolah. Maka di bawah ini disenaraikan kepentingan kajian yang dianggap ada rasionalnya

- 1 Kajian ini merupakan maklum balas penilaian sepanjang 15 tahun pelaksanaan KBSR terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu
- 2 Hasil penyelidikan ini akan dapat memberi maklumat berfaedah untuk dijadikan garis panduan awal kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi menilai keberkesanan pengajaran guru-guru BM dalam mengaplikasikan teknik dan perkaedahan pengajaran BM KBSR

3. Hasil kajian ini akan dapat membantu pihak yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki atau menggubal semula dasar atau program KBSR dengan tujuan untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu dengan berkesan
4. Kajian ini dapat menunjukkan tahap atau aras keyakinan mengajar dan sikap kerja guru-guru BM terhadap perkara yang berhubungkait dengan proses pengajaran BM (KBSR) dalam bilik darjah. Jika terdapat ketidaksesuaian, maka langkah yang sesuai wajar dilaksanakan bagi memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul di sekolah.

Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan terhadap guru-guru BM yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di beberapa buah sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu bagi mengenal pasti tahap masalah, sikap dan keyakinan mereka terhadap pengajaran BM dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis

Definisi Konsep

Berikut adalah beberapa definisi konsep yang diguna pakai dalam kajian ini

Masalah Pengajaran

Masalah pengajaran merujuk kepada beberapa kategori masalah, yang berlandaskan kepada ciri-ciri KBSR, iaitu “penerapan nilai murni”, “pemerolehan ilmu pengetahuan berasaskan topik”, “pemerolehan ilmu pengetahuan dengan menggunakan bahasa yang canggih”, “pemerolehan ilmu melalui idea dan tugas”, “peningkatan daya pemikiran”, “pemupukan minat membaca”, “pengajaran melalui teknik penggabungjalinan”, “pengajaran dalam bentuk kesepaduan”, “perancangan melibatkan pelajar secara aktif”, dan “penyesuaian bahan dalam pengajaran”.

Penerapan nilai murni bermakna penerapan dan menyemai nilai-nilai sejagat sebagaimana yang terdapat dalam huraian Falsafah Pendidikan Negara. *Pemerolehan ilmu pengetahuan berdasarkan topik* ialah mendapat pengalaman baru melalui tajuk-tajuk pembelajaran yang terdapat dalam teks. *Pemerolehan ilmu pengetahuan dengan menggunakan bahasa yang canggih* ialah mendapat pengetahuan melalui pembacaan buku-buku ilmiah yang lebih tinggi. *Pemerolehan ilmu melalui idea dan tugas* ialah mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui aktiviti atau latihan kerja yang berhubung kait dengan pembelajaran. *Peningkatan daya pemikiran* ialah merupakan berfikir dengan cara yang kritis. *Pemujukan minat membaca* ialah memberi galakan atau motivasi untuk suka membaca. *Pengajaran melalui teknik penggabungjalinan* ialah pengajaran yang menggabungkan beberapa kemahiran berbahasa dalam satu pengajaran. *Pengajaran dalam bentuk*

kesepaduan ialah pengajaran yang meliputi mata pelajaran BM itu sendiri yang diselitkan dengan nilai-nilai murni dan juga BM disepadukan dengan mata pelajaran lain. *Perancangan yang melibatkan pelajar* secara aktif ialah suatu proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar dalam konsep murid membuat, guru membimbingnya. *Penyesuaian bahan dalam pengajaran* bermaksud bahan-bahan pengajaran yang disediakan adalah sesuai dengan tahap umur dan keupayaan pelajar.

Pengalaman Mengajar

Pengalaman mengajar merujuk kepada tempoh berapa lama seseorang guru itu telah mengajar mata pelajaran BM di sekolah rendah dengan mengambil kira mempunyai kemahiran mengajar semua aspek kemahiran berbahasa.

Pendedahan Kepada Pengajaran BM KBSR

Pendedahan kepada pengajaran BM KBSR merujuk kepada latihan atau kursus tentang pengajaran BM yang pernah diikuti oleh guru. Pendedahan kepada kursus pengajaran BM dilihat dari segi menghadiri kursus, tempoh kursus itu diadakan dan komen mereka (guru) terhadap kursus tersebut sama ada berfaedah atau tidak.

Keyakinan Mengajar Guru BM

Keyakinan ialah kepercayaan yang sungguh-sungguh yakni tidak ragu-ragu lagi. Keyakinan ini ada hubungkaitnya dengan sikap seseorang. Dalam kajian ini instrumen yang mengukur keyakinan mengajar BM adalah dengan menggunakan skala Likert iaitu skor “sangat rendah” adalah “1”, “rendah” adalah “2”, “sederhana” adalah “3”, “tinggi” adalah “4” dan “sangat tinggi” adalah “5”. Terdapat 35 item yang mengandungi pernyataan keyakinan pengajaran pelbagai bidang kemahiran BM yang berlandaskan ciri-ciri Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Respons kepada setiap item menunjukkan tahap keyakinan yang berperingkat-peringkat iaitu, “sangat rendah” dan “rendah”, “sederhana”, “tinggi” dan “sangat tinggi”. Skala skor yang tinggi menunjukkan tahap keyakinan tinggi dan skor yang rendah menunjukkan tahap keyakinan yang rendah.

Sikap Guru Terhadap Pengajaran BM

Sikap ialah tingkah laku seseorang terhadap sesuatu, sama ada positif atau negatif. Dalam kajian ini instrumen yang mengukur sikap guru terdiri daripada item-item yang membayangkan pelaksanaan pengajaran BM. Guru BM diminta memberi respons tahap persetujuan “1” jika sangat tidak setuju, “2” sekiranya tidak setuju, “3” sekiranya tidak pasti, “4” sekiranya setuju dan “5” sekiranya sangat setuju. Skor yang rendah menunjukkan sikap yang

negatif terhadap pengajaran BM dan skor yang tinggi menunjukkan sikap yang positif.

Kemahiran Tatabahasa dan Peribahasa

Kemahiran tatabahasa adalah meliputi aspek pembentukan kata dan pembentukan ayat. Kedua-dua aspek ini harus diajar secara terancang dalam konteks yang sesuai. Guru hendaklah memilih dan mengolah aspek tatabahasa yang sesuai dengan kebolehan murid melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kemahiran peribahasa adalah merupakan ucapan yang disampaikan sebagai satu bentuk peradaban dalam pertuturan. Pada peringkat sekolah rendah, dua cabang peribahasa diperkenalkan, iaitu simpulan bahasa dan perumpamaan. Pemilihan simpulan bahasa dan perumpamaan yang hendak disampaikan haruslah disesuaikan dengan kebolehan murid.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM, pendekatan bersepadu perlu digunakan. Pendekatan ini sesuai untuk menggabungkan kemahiran asas dengan tatabahasa serta menerapkan ilmu pengetahuan dan nilai.